

# SYABAS PROF OSMAN, TAHNIAH RINA!

Malam 11 April 2009 menyaksikan perlawanan sengit antara semua kakitangan SPU bagi pertandingan 2<sup>nd</sup> Inter-SPU Bowling yang berlangsung di Centre Point Bowling Centre, Kota Kinabalu. Pertandingan ini dianjurkan oleh Biro Sukan Boling, Kelab Kakitangan SPU yang diketuai oleh Cik Francisca Mosilinus. Pelbagai aksi dan lagak yang menarik dapat dilihat pada malam tersebut. Masing-masing tidak mahu mengaku kalah. Kejohanan ini diadakan sebagai langkah pendedahan dan perancangan untuk menghadapi Karnival Sukan SPU yang akan diadakan pada bulan Julai nanti disamping dapat mengeratkan lagi hubungan di antara satu dengan yang lain. Kecemerlangan Dekan Sekolah Perubatan, Prof Dr Osman Ali tidak dapat disangkal lagi. Beliau telah dinobatkan sebagai Juara bagi kategori lelaki. Bagi kategori wanita pula dimenangi oleh Cik Rina Norgainathai. Hadiah utama bagi kategori wanita disumbangkan oleh Prof Madya Dr Nyo Nyo manakala kategori lelaki pula didermakan oleh Prof Madya Hj Murtaza Hj Mustafa. Peserta yang mendapat tempat kedua hingga ketujuh juga turut mendapat hadiah. Syabas dan tahniah diucapkan!

